



NEGERI BRUNEI

E 14 TAHUN 1978

**UNDANG2 PENJARA, 1978**

Beta bersetuju,



HASSANAL BOLKIAH  
*Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan  
dan Yang Di-Pertuan.*

*Satu undang2 untuk membuat sharat2 yang lebeh baik lagi dalam undang2 berhubong dengan penjara2 dan tempat2 kurongan (lockups) dan sharat2 perkhidmatan serta penchen2 bagi pegawai2 penjara.*

[ 15. 6. 1978 ]

ADA-LAH DI-PERBUAT oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan nasehat dan persetujuan Majlis Mashuarat Negeri saperti berikut:—

## BAHAGIAN I

### PERMULAAN DAN TAFSIRAN

**Gelaran  
pendek dan  
permulaan.**

**Tafsiran.**

1. Undang2 ini boleh di-gelar sebagai Undang2 Penjara, 1978, dan hendak-lah ber-jalan kuatkuasa-nya pada suatu tarikh yang Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mashuarat boleh dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* menetapkan. *[1-7-1979 - S 75/1979]*

2. Di-dalam Undang2 ini kechuali maksud-nya berkehendakkan ma'ana yang lain -

“Kesalahan tata-tertib” berma'ana apa jua kesalahan yang di-lakukan oleh sa-saorang pegawai penjara di-bawah pangkat Pegawai Utama terhadap tata-tertib penjara sebagaimana yang di-nyatakan dalam Atoran2 yang di-buat di-bawah Undang2 ini;

“Pegawai Yang Menjaga” berma'ana mana2 pegawai penjara yang tidak rendah dari pangkat Pegawai Utama yang menjaga mana2 penjara;

“Pegawai Perubatan” dan “Pegawai Pergigian” berma'ana Pegawai Perubatan atau Pegawai Pergigian (yang mana satu berkenaan) yang di-lantek di-bawah bab 14;

“rumah sakit otak” termasok sebarang rumah pesakit otak Kerajaan bagi penerimaan orang yang di-perintahkan supaya di-tahan di-dalam-nya di-bawah Undang2 Penyakit Otak;

“Kesalahan kecil penjara” dan “Kesalahan besar penjara” berma'ana apa jua kesalahan yang di-lakukan oleh sa-saorang banduan terhadap tata-

tertib penjara dan di-nyatakan sademikian dalam Atoran2 yang di-buat di-bawah Undang2 ini;

“pegawai pulis” mempunyai ma’ana yang sama saperti yang di-dalam Undang2 Pulis Penggal 50;

“penjara” berma’ana sebarang rumah, bangunan, kawasan berpagar, atau tempat atau mana2 bahagian dari-pada-nya, yang di-ishtiharkan sebagai sa-sabuah penjara di-bawah bab 3;

“banduan” berma’ana sesiapa jua, sama ada telah di-dapati thabit-kesalahan-nya atau tidak, yang di-kurong di-dalam mana2 penjara;

“pegawai penjara” berma’ana sa-saorang Ketua Pegawai, Pengawas, Pegawai Utama, Pegawai Akhlak, Penyelia, Penjaga Lelaki atau Penjaga Perempuan dan termasok Penguasa dan Timbalan Penguasa;

“tukang gigi berdaftar” berma’ana mana2 tukang gigi yang nama-nya telah di-daftarkan menurut mana2 undang2 bertulis berhubong dengan pendaftaran tukang2 ubat dan tukang2 gigi yang dari masa ka-semasa berkuatkuasa di-dalam Negeri;

“tukang ubat berdaftar” berma’ana mana2 tukang ubat yang di-daftarkan menurut mana2 undang2 bertulis berhubong dengan pendaf-taran tukang2 ubat dan tukang2 gigi yang dari masa ka-semasa ber-kuatkuasa di-dalam Negeri;

“hukuman penjara” berma’ana apa jua hukuman yang melibati pengu-

rongan dalam sa-sabuah penjara, sama ada di-sertakan atau tidak dengan pekerjaan, dan termasok sa-suatu hukuman yang di-jatohkan sechara peringangan hukuman dan juga sa-suatu hukuman asal yang di-jatohkan oleh sa-sabuah Mahkamah;

“peringkat” berma’ana sebarang peringkat penjaraan yang di-tetapkan oleh Atoran2 yang di-buat di-bawah Undang2 ini;

“pegawai rendah” berma’ana sesiapa jua pegawai penjara di-bawah pangkat Pegawai Utama;

“Penguasa” berma’ana Penguasa Penjara yang di-lantek di-bawah bab 10 dan termasok Timbalan Penguasa Penjara;

“Jaksa Pelawat” berma’ana sa-saorang ahli Lembaga Jaksa2 Pelawat yang di-lantek di-bawah bab 60;

“banduan yang belum dewasa” berma’ana sesiapa jua yang, dengan tiada-nya bukti yang sah di-sisi undang2 sebalek-nya, berumor kurang dari delapan belas tahun dan, sama ada telah di-dapati thabit-kesalahan-nya atau tidak yang sedang di-tahan dalam mana2 penjara.

## BAHAGIAN II

### PERTUBOHAN DAN PENTADBIRAN

**Kuasa untuk mengishtihar penjara2.**

3. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mashuarat dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* boleh -

- (a) mengishtiharkan mana2 rumah, bangunan, kawasan berpagar atau mana2 bahagian daripada-nya sebagai sabuah penjara bagi maksud Undang2 ini bagi pemenjaraan atau penahanan orang2 di-dalam jagaan yang sah di-sisi undang2 dan/atau
- (b) mengishtiharkan supaya mana2 penjara hendak-lah di-hentikan menjadi sabuah penjara; dan marakala di-siarkan perishtiharan sademikian, atau mulai dari dan salepas sa-suatu tarikh kemudian-nya yang di-tetapkan di-dalam-nya, maka penjara itu hendak-lah di-hentikan menjadi sa-buah penjara.

**Keluasan penjara2.**

4. Tiap2 penjara ada-lah termasok halaman serta bangunan2 dalam kawasan penjara serta juga tempat2 peranginan, atau halaman atau bangunan2 lain kepunyaan atau yang berchantum dengan-nya dan di-gunakan oleh banduan2.

**Bangunan yang sedia ada di-ishtiharkan penjara2.**

5. Sebarang rumah, bangunan, kawasan atau tempat atau mana2 bahagian-nya, yang sebaik2 saja sbelum bermula-nya kuat kuasa Undang2 ini sedang di-gunakan sebagai sa-buah penjara, hendak-lah di-anggap sebagai sabuah penjara bagi maksud Undang2 ini.

**Menyatakan perihal penjara dalam surat2 perentah [writs], dll.**

6. Di-dalam mana2 surat perentah (writ), surat kuasa (warrant), atau surat lain di-sisi Undang2, dalam mana mungkin akan perlu menyatakan perihal sa-sabuah penjara yang tertentu, sebarang kenyataan yang menamakan sa-sabuah penjara dengan sebutan terhadap nama tempat atau bandar di-mana ia-nya terletak, atau kenyataan lain yang pasti, ada-lah sah dan memadai bagi segala maksud.

**Penetapan  
tempat2  
kurongan  
[lockups]  
pulis sebagai  
tempat2  
tahanan.**

7. (1) Maka ada-lah sah bagi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mashuarat dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* untuk menetapkan tempat2 kurongan (lockups) di-sa-sabuah Balai Pulis dan Bangunan2 Mahkamah sebagaimana yang di-tetapkan dalam kenyataan tersebut sebagai tempat2 bagi pengurongan orang2, yang di-tahan atau di-hukum penjara selama suatu tempoh, yang tidak melebihi sa-bulan, sebagaimana yang di-nyatakan dalam satu2 perkara.

(2) Sa-sabuah tempat kurongan (lockup) yang di-tetapkan sebagai sa-buah tempat pengurongan di-bawah cheraian (1) tidak boleh, kechuali sebagaimana yang salepas ini di-persharatkan, di-anggap sebagai sa-buah penjara bagi maksud2 Undang2 ini, dan Atoran2 yang di-buat di-bawahnya tidak boleh di-kenakan terhadap-nya, akan tetapi tiap2 tempat kurongan (lockup) sademikian hendak-lah di-anggap sebagai sa-buah penjara bagi maksud2 penggal XXVI dari Undang2 Peratoran Jenayah dan sebagai tempat penjagaan bagi maksud2 bab 149 dari Undang2 tersebut.

(3) sa-sabuah tempat kurongan (lockup) yang di-tetapkan sebagai tempat pengurongan di-bawah cheraian (1) hendak-lah di-anggap sebagai sa-buah penjara bagi maksud2 bab 61 dan juga bagi maksud2 Bahagian IV, selain dari cheraian (2) dari bab 28 dan bab 43, dan, bagi maksud2 sademikian, perkataan "Pegawai Yang Menjaga" ada-lah termasok pegawai Pulis yang menjaga tempat kurongan (lockup) itu.

(4) Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat Atoran2 berkenaan dengan tempat2 kurongan (lockups) yang di-tetapkan di-bawah cheraian (1) untuk mengadakan sharat bagi semua atau mana2 satu dari perkara2 yang berikut:-

Penjara  
sementara.

- (a) pemereksaan dan pengurusan tempat2 kurongan (lockups) sademikian dan pegawai2 yang akan menjaga-nya;
- (b) pemberian kerja kepada orang2 yang di-kurong di-dalam-nya;
- (c) chatuan2 makanan yang akan di-bekalkan kepada orang2 tersebut;
- (d) penyenggaraan tata-tertib;
- (e) 'am-nya menyusun peratoran bagi tempat2 kurongan (lockups) tersebut.
8. Bila2 saja ternyata kepada Penguasa -
- (a) bahawa bilangan banduan di-dalam mana2 penjara ada-lah lebeh banyak dari yang boleh di-tempatkan dengan sesuai-nya di-dalam penjara itu, dan bahawa tidak-lah sesuai untuk memindahkan bilangan yang berlebehan itu ke penjara lain; atau
- (b) bahawa, dengan sebab merebak-nya penyakit atau penyakit2 di-dalam kawasan penjara atau kerana apa jua sebab lain, ada-lah perlu mengadakan tempat perlindongan dan pengurongan yang selamat buat sementara waktu bagi mana2 banduan, maka tempat2 sa-demikian hendak-lah di-adakan, sebagaimana yang Penguasa mungkin mengarahkan, bagi perlindongan dan penjagaan yang selamat dalam penjara2 sementara bagi bilangan banduan yang tidak boleh di-tempatkan dalam penjara sademikian dengan sesuai dan selamat, dan tiap2 penjara sementara itu ada-lah menjadi sa-buah penjara bagi maksud2 Undang2 ini:

Dengan sharat bahawa bila mana penyakit atau penyakit2 itu atau dengan sebab lain telah berhenti, mana2 banduan yang telah di-pindahkan dari mana2 penjara hendak-lah di-hantarkan balék ka-penjara dari mana mereka telah di-pindahkan, jika maseh boleh dikurong di-penjara itu.

**Pentadbiran  
bagi pegawai2  
penjara dan  
penjara2.**

9. (1) Terta'alok kapada perentah2 dari Menteri Besar pengawalan dan pengarahan terhadap pegawai penjara di-seluroh Negeri ada-lah di-letakkan di-dalam tangan Penguasa yang boleh dari masa ka-semasa melakukan penukaran2 dan mengarahkan kerja dan penempatan pegawai2 penjara sebagaimana yang mungkin di-fikirkan-nya patut.
- (2) Terta'alok kapada perentah2 dari Menteri Besar penjaga'an dan pentadbiran 'am bagi penjara2 dalam Negeri ada-lah di-letakkan di-dalam tangan Penguasa.
- (3) Kuasa2 dan tugas2 Penguasa di-bawah Undang2 ini atau di-bawah Atoran2 yang di-buat di-bawah-nya boleh di-jalankan, Jika Penguasa tidak ada atau tidak berupaya, oleh sa-saorang pegawai yang di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk menjalankan dan menunaikan kuasa2 dan tugas2 itu:

Dengan sharat bahawa sementara menunggukan perlantekan sademikian kuasa2 dan tugas2 Penguasa hendak-lah di-jalankan dan di-tunaikan oleh pegawai yang paling kanan salepas-nya dalam Jabatan Penjara.

### BAHAGIAN III

#### PEGAWAI2

**Perintekan  
pegawai2.**

10. (1) Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantek sa-orang Penguasa Penjara bagi Negeri ini, dan sa-orang Timbalan Penguasa Penjara, dan sa-bilangan Ketua Pegawai, Penguasa dan pegawai lain yang Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mungkin memikirkan-nya perlu bagi melaksanakan sharat2 Undang2 ini dan Atoran2 yang di-buat di-bawah-nya.

(2) Semua pegawai tersebut manakala dilantek ada-lah di-bawah arahan 'am Penguasa.

**Perentah2  
Tetap  
Penjara.**

11. Penguasa boleh membuat dan menge luarkan perentah2, yang akan di-gelar "Perentah2 Tetap Penjara" yang tidak berlawanan dengan sharat2 Undang2 ini atau mana2 Atoran2 yang di-buat di-bawah-nya.

**Pemeriksaan  
oleh Penguasa  
Penjara.**

12. (1) Penguasa hendak-lah kala2-nya melawat dan memereksa, atau menyebabkan supaya dilawati dan di-pereksai, semua penjara dalam Negeri.

(2) Penguasa boleh menjalankan dan menunaikan apa jua kuasa yang di-berikan atau kewajipan2 yang di-kenakan oleh undang2 keatas sa-saorang Pegawai Yang Menjaga.

**Kewajipan2  
Penguasa  
Penjara.**

13. (1) Penguasa hendak-lah mengawas dan mengawal segala perkara berkaitan dengan mana2 penjara, yang mana pentadbiran-nya ada-lah dilakukan di-dalam tangan-nya, dan ada-lah bertanggong-jawab kepada Menteri Besar tentang kelakuan dan layanan pegawai2 penjara, serta kelakuan dan layanan banduan2 di-bawah kawalan-nya, dan tentang pematohan yang

sepatutnya oleh pegawai penjara dan banduan2 terhadap sharat2 Undang2 ini dan segala undang2 bertulis yang lain berhubung dengan penjara2 atau banduan2.

(2) Terta'alok kapada perentah2 Pengusa, Pegawai Yang Menjaga hendak-lah mengawas dan mengawal segala perkara yang berkaitan dengan mana2 penjara yang mana pentadbirannya ada-lah di-letakkan di-dalam tangan-nya, dan ada-lah bertanggong-jawab kapada Pengusa tentang kelakuan dan layanan pegawai2 penjara serta banduan2 di-bawah kawalan-nya, dan tentang pematohan yang sepatutnya oleh pegawai2 penjara dan banduan2 terhadap Undang2 ini dan segala undang2 bertulis yang lain berhubung dengan penjara2 atau banduan2.

**Pegawai  
Perubatan  
dan Pegawai  
Pergigian  
bagi  
Penjara2.**

14. (1) Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan hendak-lah melantek sa-orang Pegawai Perubatan dan saorang Pegawai Pergigian bagi Penjara, dan, bila2 saja keadaan mengizinkan saorang Pegawai Perubatan bagi tiap2 penjara yang lain di-dalam Negeri.

(2) Jika keadaan tidak mengizinkan Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan membuat sa-suatu perlantekan di-bawah cheraian (1), maka Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan boleh melantek mana2 tukang ubat berdaftar atau mana2 tukang gigi berdaftar menjadi Pegawai Perubatan atau Pegawai Pergigian bagi mana2 penjara yang tertentu.

(3) Bila2 saja saorang Pegawai Perubatan atau Pegawai Pergigian, di-sebabkan oleh sakit atau ketiadaan sementara atau kerana sebab2 lain yang memadai, tidak dapat menuaikan tugas2-nya sebagai Pegawai Perubatan atau Pegawai Pergigian, maka Pengusa hendak-lah mengatorkan dengan Pengarah Perkhidmatan2

Perubatan bagi penunaian tugas2 itu oleh mana2 orang atau pegawai lain yang Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan mungkin mengarahkan.

**Tugas2  
Pegawai2  
Perubatan  
dan Pegawai  
Pergigian.**

**Sharat2  
Pengambilan  
kerja dan  
Pengambilan  
Bekerja  
semula bagi  
pegawai2  
Penjara.**

15. Sa-saorang Pegawai Perubatan dan sa-orang Pegawai Pergigian hendak-lah menunaikan tugas2 yang mungkin di-tetapkan.

16. (1) Semua Pegawai penjara hendak-lah di-ambil kerja menurut sharat2 perkhidmatan yang boleh di-kenakan kapada mereka pada tarikh pengambilan-nya.

(2) Tiap2 pegawai rendah yang sudah menamatkan tempoh perkhidmatan terhadap mana ia-nya telah di-ambil bekerja boleh menawarkan diri-nya bagi pengambilan bekerja semula bagi sasuatu tempoh selanjut-nya, dan, jika di-persetujui, boleh di-ambil bekerja semula dengan sharat2 dan penentuan2 yang mungkin di-tetapkan oleh Penguasa.

(3) Tiap2 pengambilan bekerja semula hendak-lah di-buktikan dengan satu chatetan dalam surat pengambilan kerja yang asal dengan di-tanda-tangani oleh orang yang di-ambil bekerja semula dan oleh Penguasa.

(4) Tiada sebarang pegawai penjara berhak, tanpa kebenaran bertulis Penguasa, meletakkan jawatan atau menarek diri daripada tugas2 penjara melainkan ia-nya sudah memberikan tidak kurang dari sa-bulan notis bertulis kapada Penguasa tentang tujuan-nya hendak meletakkan jawatan.

(5) Tiap2 notis sademikian hendak-lah di-berikan pada atau sabelum hari pertama dalam bulan yang di-penghujong bulan mana pegawai itu bertujuan hendak berhenti dari menunaikan tugas2 penjara.

(6) Mana2 pegawai penjara yang melanggar sharat2 cheraian (4) ada-lah bersalah: Hukuman, penjara selama tiga bulan dan denda sebanyak lima ratus ringgit; dan semua tunggakan gaji yang sepatutnya di-bayar kapada-nya boleh diluchutkan.

(7) Penguasa boleh pada bila2 masa, dengan kebenaran Mentri Besar memberhentikan kerja mana2 Penjaga Lelaki atau Penjaga Perempuan yang lantekan-nya telah di-tetapkan -

- (a) Jika Penguasa memikirkan bahawa pegawai itu tidak mungkin menjadi atau telah tidak lagi menjadi saorang pegawai penjara yang chekap;
- (b) pegawai itu di-perakui oleh saorang Pegawai Perubatan Kerajaan tidak sehat tuboh-badan-nya atau otak-fikiran-nya untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Penjara; atau
- (c) pada penyusunan semula atau pengurangan perjawatan bagi Perkhidmatan Penjara.

**Perlantekan  
Pegawai  
Utama,  
Pegawai  
Akhlak dan  
Penyelia.**

17. Kenaikan pangkat kapada, dan lantekan sebagai, saorang Pegawai Utama atau Pegawai Akhlak atau Penyelia boleh di-buat oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-bawah bab 10 atas sokongan Penguasa.

**Kad  
Pengenalan  
[Warrant Card]  
Penjara.**

18. Kad Pengenalan Penjara, yang di-tanda-tangani oleh Penguasa, hendak-lah di-keluarkan kapada tiap2 pegawai penjara dan ada-lah menjadi bukti perlantekan-nya di-bawah Undang2 ini.

- Pemakaian Perentah2 'Am.**
19. (1) Pegawai2 penjara, selain dari pegawai2 rendah, ada-lah terta'alok kapada Perentah2 'Am Negeri ini yang pada masa itu sedang berjalan kuatkuasa-nya, dan kapada sharat2 mengenai tata-tertib dari Perentah2 tersebut.
- (2) Semua pegawai penjara selain dari pegawai2 rendah boleh di-tahan atau di-gantong kerja menurut Perentah2 'Am tersebut:
- Dengan sharat bahawa, jika, pada pendapat Penguasa, ada-lah mustahak bagi kepentingan keselamatan atau tata-tertib penjara supaya sa-saorang pegawai rendah itu di-hentikan dengan serta-merta dari menjalankan tugas jawatan-nya maka Penguasa boleh menahan kerja pegawai itu sementara menunggukan sa-suatu penyiasatan.
- Tugas2 Ketua2 Pegawai, Pengawas2, Pegawai2 Utama, dll.**
20. Ketua2 Pegawai, Pengawas2, Pegawai2 Utama, Pegawai2 Akhlak, Penyelia, Penjaga2 dan pegawai2 penjara lain hendak-lah melakukan tugas2 sebagaimana yang mungkin di-tetapkan.
- Kelengkapan.**
21. Tiap2 pegawai penjara hendak-lah dibekalkan dengan belantan, senjata, peluru, pakaian seragam dan kelengkapan lain sebagaimana yang mungkin di-tetapkan oleh Penguasa.
- Tempat perkhidmatan.**
22. Tiap2 pegawai penjara ada-lah terikat untuk berkhidmat dalam mana2 tempat di-Negeri ini, atau dalam mana2 kapal, pesawat terbang atau kenderaan lain dalam mana banduan2 sedang di-pindahkan, dan ada-lah manakala berkhidmat sademikian, terta'alok kapada atoran2 yang sama seperti manakala berkhidmat dalam Negeri, setakat yang undang2 Negeri Brunei di-kenakan keatas-nya, juga kapada Atoran2, Peratoran2 dan Perentah2 Tetap yang mungkin berkuatkuasa dalam Negeri.
- Pematohan Undang2, Atoran2 dan Perentah2.**
23. Tiap2 pegawai penjara hendak-lah betul2 mematohi segala undang2 bertulis berhubong dengan penjara2 atau banduan2, dan hendak-lah menurut segala perentah yang sah dari pegawai2 atasan-nya, sama ada sechara lisan atau bertulis, dan Perentah2 Tetap Penjara.

**Pegawai2  
Penjara  
di-anggap  
Pegawai2  
Kerajaan.**

**Penggunaan  
senjata2.**

24. Penguasa, Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Ketua2 Pegawai, Pengawas2, Pegawai2 Utama, Pegawai2 Akhlak, Penyelia2, pegawai2 rendah dan pegawai2 penjara lain yang dilantek di-bawah Undang2 ini atau di-bawah mana2 Atoran2 yang di-buat di-bawah-nya, adalah di-anggap sebagai Pegawai2 Kerajaan dalam bidang ma'ana Undang2 Hukuman Jenayah.

25. (1) Tiap2 pegawai penjara boleh menggunakan senjata2 terhadap mana2 banduan yang melarikan diri atau chuba melarikan diri:

Dengan sharat bahawa jangan-lah hendaknya menggunakan apa juu senjata melainkan pegawai itu mempunyai alasan yang munasabah untuk memperchayai bahawa ia tidak boleh dengan chara lain menchegah pelarian atau penchubaan pelarian itu.

(2) Tiap2 pegawai penjara boleh menggunakan senjata2 terhadap mana2 banduan yang mengambil bahagian dalam sebarang perletusan pechah-keluar beramai2 atau dalam sebarang perchubaan untuk merempoh atau memechahkan pintu luar atau pintu pagar atau tembok penjara, dan boleh terus menggunakan senjata2 selagi perletusan pechah-keluar beramai2 atau perchubaan sademikian samemang maseh dilakukan.

(3) Tiap2 pegawai penjara boleh menggunakan senjata2 terhadap mana2 banduan yang menggunakan kekerasan terhadap mana2 pegawai penjara atau orang lain jika pegawai itu mempunyai alasan2 yang munasabah untuk memperchayai bahawa nyawa atau anggota pegawai penjara atau orang lain itu ada-lah dalam bahaya atau bahawa kechederaan parah yang lain mungkin akan di-sebabkan keatas-nya.

(4) Sabelum menggunakan senjata2 api terhadap sa-saorang banduan di-bawah kuasa

yang di-nyatakan dalam cheraian (1) pegawai itu hendak-lah memberi amaran kepada banduan itu yang ia akan menembak-nya.

(5) Tiada sa-saorang pegawai penjara boleh, di-hadapan pegawai atasan-nya, menggunakan senjata sajenis apa jua pun terhadap sa-saorang banduan jika berlaku perletusan pechah-keluar atau perchubaan melarikan diri kechuali di-bawah perentah2 pegawai atasan itu.

(6) Penggunaan senjata2 di-bawah bab ini ada-lah, dengan seberapa yang boleh, untuk melumpohkan dan bukan untuk membunuh.

(7) Tiap2 pegawai pulis yang pada masa itu bertugas selaku pengawal iringan atau pegawai di-dalam atau di-sekitar penjara atau tempat kurongan (lockup) bagi maksud memastikan penjagaan yang selamat bagi mana2 banduan atau banduan2 di-dalam penjara atau tempat kurongan (lockup) sademikian, ada-lah di-anggap mempunyai semua kuasa dan keistimewaan yang di-berikan kepada pegawai2 penjara di-bawah bab ini.

**Pegawai  
penjara akan  
mempunyai  
kuasa2  
pegawai2 pulis.**

**Pegawai  
penjara tidak  
boleh menjadi  
ahli kesatuan  
sekerja, dll.**

26. Tiap2 pegawai penjara semasa bertugas sademikian ada-lah mempunyai dengan kuat-kuasa jawatan-nya semua kuasa, perlindongan serta keistimewaan sa-saorang pegawai pulis.

27. (1) Bagi maksud membolehkan pegawai penjara untuk menimbangkan dan membawa keperhatian Kerajaan semua perkara yang menyentoh kebijakan dan kecekapan mereka, termasok gaji, penchen2 dan sharat2 perkhidmatan, selain dari soal tata-tertib dan kenaikan pangkat yang menyentoh persaorangan, maka boleh-lah di-tubohkan sa-sabuah persatuan yang hendak-lah berjalan dan di-tadbirkan menurut Atoran2 yang di-buat oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mashuarat. Persatuan demikian hendak-lah keselurohan-nya bebas dari, dan tidak bersekutu dengan, mana2 badan atau orang yang di-luar Jabatan Penjara dan hendak-lah di-anggap bukan sebagai sa-buah kesatuan sekerja dalam bidang ma'ana Undang2 Kesatuan Sekerja, 1961 dan ada-lah di-kechualikan dari sharat2 Undang2 Persekutuan2 (*Penggal 66* ).

(2) Terta'alok kapada sharat2 cheraian (1) tiada sesaorang pegawai penjara boleh menjadi, atau satelah tamat tempoh sa-bulan dari mula-nya berkuatkuasa cheraian ini menjadi, saorang ahli bagi mana2 kesatuan sekerja atau mana2 persatuan yang mempunyai sebagai tujuan-nya atau salah satu dari tujuan2-nya untuk mengawal atau mempengarohi gaji, penchen2 atau sharat2 perkhidmatan pegawai2 penjara atau mana2 persatuan yang mempunyai tujuan2 politik, dan mana2 pegawai penjara yang melanggar sharat ini ada-lah bersalah dan jika di-dapati thabit-kesalahan-nya oleh sa-saorang Mejistret boleh di-kenakan hukum denda sebanyak sa-ribu ringgit:

Dengan sharat bahawa jika sa-saorang pegawai penjara itu ada-lah, pada ketika di-kuatkuasakan bab ini, saorang ahli bagi sa-sabuah kesatuan sakerja maka pegawai itu boleh, dengan kebenaran Penguasa, terus menjadi ahli kesatuan sakerja itu sepanjang perkhidmatan-nya dalam Jabatan Penjara:

Dengan sharat selanjut-nya bahawa Setia Usaha Kerajaan boleh mengishtiharkan, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, bahawa sharat2 bab ini tidak boleh di-kenakan berthabit dengan mana2 persatuan atau apa juu keahlian tertentu atau jenis keahlian bagi sa-sabuah persatuan terhadap mana bab ini di-kenakan.

(3) Apa jua soal sama ada mana2 badan itu ada-lah sa-buah kesatuan sakerja atau persatuan terhadap mana bab ini di-kenakan hendak-lah di-tentukan oleh Setia Usaha Kerajaan.

## BAHAGIAN IV

### PENJAGAAN DAN PEMINDAHAN BANDUAN2

**Banduan2  
di-anggap  
dalam  
jagaan  
yang sah.**

28. (1) Tiap2 banduan yang di-kurong di-dalam mana2 penjara ada-lah di-anggap sebagai di-dalam jagaan yang sah oleh Pegawai Yang Menjaga penjara itu.

(2) Tiap2 banduan ada-lah tertा'lok kapada tata-tertib penjara dan kapada semua undang2 bertulis berhubong dengan penjara atau banduan2 serta kapada Perentah2 Tetap pada keselurohan masa penjaraan-nya, sama ada ia-nya berada atau tiada di-dalam kawasan mana2 penjara atau telah di-pindahkan dari mana2 penjara menurut mana2 perentah atau kebenaran yang di-buat atau di-berikan di-bawah Bahagian ini, dan hendak-lah berjalan kaki ka-mana2 atau dari mana2 penjara pada bila2 masa di-kehendaki berbuat demikian, dan jika enggan berbuat demikian, melainkan ia tidak berdaya upaya ada-lah, dan boleh di-hukum sebagai pelanggaran tata-tertib penjara.

**Pegawai yang  
menjaga  
hendak-lah  
menahan  
orang2 yang  
di-serahkan  
ka-penjara.**

29. Tiap2 Pegawai Yang Menjaga ada-lah dengan ini di-beri kuasa dan di-kehendaki menjaga dan menahan semua orang yang telah di-serahkan untuk penjagaan-nya oleh mana2 Mahkamah, Hakim, Majistret, atau lain2 pehak berkuasa awam yang layak, menurut keperluan mana2 surat kuasa (warrant) atau perentah dengan mana orang itu telah di-penjarakan, atau sahingga orang itu di-lepaskan menurut perjalanan undang2.

**Penyerahan orang2 yang di-tahan sementara.**

30. Tiap2 orang yang di-tahan sementara di-dalam mana2 penjara oleh mana2 Mahkamah, Hakim, Majistret, atau lain2 pehak berkuasa awam yang layak, yang telah di-tudoh melakukan sebarang jenayah atau kesalahan hendak-lah di-serahkan kepada Pegawai Yang Menjaga penjara yang mungkin di-tetapkan di-bawah Undang2 ini bagi penjagaan orang2 sademikian, berserta dengan surat kuasa mempenjarakan (warrant of commitment), dan pegawai tersebut hendak-lah menahan orang itu menurut sharat2 surat kuasa (warrant) tersebut, dan hendak-lah menyebabkan supaya orang itu di-serahkan kepada Mahkamah, Hakim, Majistret, atau lain2 pehak berkuasa awam yang layak tersebut, atau melepaskan orang itu pada ketika yang di-nyatakan di-dalam dan menurut sharat2 surat kuasa (warrant) tersebut.

**Penyerahan orang2 yang di-tangkap dengan waran.**

31. Tiap2 orang yang di-tangkap menurut mana2 waran atau perentah mana2 mahkamah di-dalam Negeri yang mempunyai bidangkuasa mal atau jenayah hendak-lah dengan tidak lewat2 lagi di-hadapkan ka-Mahkamah yang mengeluarkan, memberi atau membuat waran itu, dan jika Mahkamah tersebut semasa itu tidak bersidang, orang itu hendak-lah di-serahkah kepada sa-saorang Pegawai Yang Menjaga bagi Penjagaan sementara, dan pegawai itu hendak-lah menyebabkan supaya orang itu di-hadapkan ka-Mahkamah itu pada sidang-nya yang akan datang supaya orang itu boleh di-senggarakan menurut undang2.

**Penghadapan orang2 ka-Mahkamah dan ka-tempat lain.**

32. (1) Bila2 saja kehadiran mana2 orang yang di-kurong dalam sa-sabuah penjara di-kehendaki dalam mana2 Mahkamah yang mempunyai bidangkuasa mal atau jenayah maka Mahkamah sademikian boleh mengeluarkan sa-suatu perentah dalam borang yang di-tetapkan, di-alamatkan kepada Pegawai Yang Menjaga mengkehendaki

penghadapan ka-Mahkamah akan orang itu dengan jagaan yang sempurna pada masa dan tempat yang akan di-nyatakan dalam perentah tersebut, dan pegawai tersebut tadi hendak-lah menyebabkan orang yang di-nyatakan dalam perentah itu supaya di-hadapkan sebagaimana di-arahkan, dan hendak-lah memberi jagaan yang selamat bagi-nya semasa ketiadaan-nya di-penjara, dan tiap2 Mahkamah sademikian boleh dengan chatetan pada perentah sademikian mengkehendaki orang yang di-nyatakan di-dalam-nya supaya di-hadapkan lagi pada masa ka-ketika mana perkara yang orang itu di-kehendakki mungkin di-tanggohkan.

(2) Penguasa, dengan bukti yang memuaskan-nya atau dengan surat akuan dari Peguam Negara yang memperakui bahawa kehadziran mana2 banduan di-sa-suatu tempat dalam Negeri ada-lah di-kehendakki bagi kepentingan ke'adilan atau bagi maksud penyiasatan yang di-adakan di-bawah mana2 undang2 bertulis yang berkuatkuasa dalam Negeri, boleh dengan surat yang di-tanda-tangani-nya memerentahkan supaya banduan itu di-bawa ka-tempat itu.

(3) Sa-saorang banduan yang di-bawa dari sa-sabuah penjara menurut sa-suatu perentah yang di-bawah bab ini hendak-lah semasa diluar penjara itu di-jaga dengan penjagaan yang Pegawai Yang Menjaga atau Penguasa boleh dengan bertulis yang di-tanda-tangani-nya mengarahkan dan semasa dalam penjagaan itu ada-lah di-anggap sebagai dalam penjagaan yang sah.

(4) Kepentingan ke'adilan ada-lah, dengan tidak menyentoh keluasan ma'ana ayat sademikian, di-anggap termasok pemerhatian perubatan atau rawatan, atau kedua2-nya, terhadap mana2 banduan yang di-shakki atau dikatakan tidak sehat fikiran-nya, atau tidak sempurna atau tidak waras otak-nya.

**Melepaskan  
Banduan<sup>2</sup>.**

**Banduan<sup>2</sup>  
yang tidak  
sempurna  
akal-nya.**

33. Pegawai Yang Menjaga ada-lah bertanggong-jawab bagi melepaskan semua banduan sebaik2 sahaja mereka berhak di-lepaskan, sama ada dengan sebab tamat tempoh hukuman-nya, atau dengan sebab pengampunan, atau dengan sebab peringangan hukuman atau dengan sebab pengurangan hukuman.

34. (1) Bila2 saja sa-saorang banduan yang sedang menjalani hukuman penjara atau telah di-hukum bunoh ternyata kapada sa-saorang Pegawai Perubatan sebagai tidak sehat atau tidak waras otak-nya maka ia boleh dengan perentah yang di-tanda-tangani-nya dan di-meterai dalam Borang yang di-dalam Jadual mengarahkan supaya banduan itu di-pindahkan ka-mana2 rumah sakit otak atau lain2 tempat yang sesuai bagi penjagaan yang selamat di-dalam Negeri dan di-tahan di-situ, dan perentah sademikian ada-lah menjadi surat kebenaran bagi penerimaan banduan itu dan bagi penahanan-nya di-dalamnya sahingga di-pindahkan atau di-lepaskan sebagaimana yang salepas ini di-persharatkan.

(2) Jika sa-saorang banduan itu di-tahan di-dalam rumah sakit otak di-bawah sharat2 Undang2 ini dan ada-lah pada pendapat Pegawai Perubatan yang menjaga rumah sakit otak itu sudah sehat otak-nya, maka Pegawai Perubatan itu boleh melaporkan saterus-nya kapada Pengusa siapa hendak-lah, dengan perentah yang di-tanda-tangani-nya dan di-meterai, mengarahkan pengembalian banduan itu ka-penjara dari mana ia-nya telah di-pindahkan supaya disenggarakan menurut Undang2.

(3) Bilamana tamat tempoh penjara yang ia telah di-hukumkan maka sharat2 bab 324 dari Undang2 Peratoran Jenayah hendak-lah di-kenakan keatas mana2 banduan yang di-tahan dibawah bab ini sa-olah2 ia-nya telah di-tahan menurut sa-suatu surat akuan yang telah di-berikan di-bawah bab 247 atau 321 dari Undang2 Peratoran Jenayah tersebut.

(4) Masa yang di-gunakan pada melakukan apa jua pemindahan di-bawah bab ini dan tempoh dalam masa mana banduan itu di-tahan dalam sa-sabuah rumah sakit otak hendak-lah di-kira sebagai sa-bahagian dari tempoh hukuman penjara yang di-kenakan keatas banduan itu.

**Pemindahan  
dan  
penukaran  
banduan2 yang  
sedang  
menjalar1  
hukuman  
penjara.**

35. (1) Penguasa boleh, dengan perentah ber-tulis, memindahkan atau menukarkan mana2 banduan yang sedang menjalani hukuman penjara terhadap apa jua kesalahan ka-mana2 penjara lain, di-sana untok menjalani baki hukuman atau mana2 bahagian dari hukuman-nya:

Dengan sharat bahawa mana2 banduan yang di-pindahkan sademikian hendak-lah di-kembalikan, apabila tamat tempoh hukuman-nya dan jika ia berkehendakan demikian, dengan perbelanjaan Kerajaan, ka-tempat dari mana ia-nya telah di-pindahkan.

(2) Sa-saorang banduan boleh di-hadapkan untok pembicharaan, dan boleh di-pindahkan dengan atau di-bawah arahan Pegawai Yang Menjaga penjara dalam mana ia-nya di-kurong dari penjara itu ka-penjara lain, bagi maksud di-bicharakan; dan tiada sesaorong banduan semasa dalam penjagaan sa-saorang pegawai penjara boleh di-anggap telah melarikan diri, sunggopun ia mungkin di-bawa masok ka-dalam bidangkuasa lain atau tempat2 pengurongan lain.

**Bukti  
Keterangan**

36. Tiap2 perentah atau surat kuasa (warrant) yang di-katakan telah di-keluarkan menurut Undang2 ini dan telah di-tanda-tangani oleh Penguasa atau Pegawai Yang Menjaga mana2 penjara hendak-lah di-terima sebagai bukti keterangan dalam semua mahkamah tanpa bukti selanjut-nya, dan ada-lah menjadi bukti keterangan terhadap semua kenyataan yang di-sebut di-dalam-nya, dan semua tindakan yang di-lakukan menurut perentah atau surat kuasa (warrant) sademikian ada-lah di-anggap telah di-benarkan oleh undang2.

**Banduan  
yang sakit.**

37. (1) Jika sa-saorang banduan itu sakit tenat selain dari sa-saorang banduan yang di-sebutkan dalam cheraian (2), yang di-kurong di-dalam sa-sabuah penjara dalam mana tidak ada tempat yang sesuai bagi banduan itu, maka Pegawai Yang Menjaga boleh, dengan surat akuan sa-saorang Pegawai Perubatan, membuat sa-suatu perentah bagi pemindahan-nya ka-sa-sabuah rumah sakit Kerajaan atau, jika kebenaran Setia Usaha Kerajaan terlebeh dahulu di-perolehi ka-mana2 rumah sakit lain.

(2) Jika sa-saorang banduan yang di-kurong di-dalam sa-sabuah penjara ternyata kapada Penguasa dengan surat akuan sa-saorang Pegawai Perubatan sebagai pesakit kusta maka Penguasa boleh, dengan perentah bertulis, mengarahkan pemindahan-nya ka-mana2 tempat perlindongan atau kawasan penempatan pesakit2 kusta, disana untuk di-tahan dan di-rawat sehingga sembuh penyakit kusta-nya.

(3) Selagi mana2 banduan yang telah dipindahkan ka-mana2 rumah sakit, tempat perlindongan atau kawasan penempatan sademikian di-bawah sharat2 bab ini maseh berada di-dalam-nya, maka Pegawai Perubatan Yang Menjaga-nya hendak-lah, di-penghujung tiap2 bulan, menghantar kapada Pegawai Yang Menjaga penjara dari mana banduan tersebut telah di-pindahkan satu surat akuan yang di-tanda-tangani oleh-nya bahawa pada pendapatnya, ada-lah perlu supaya ia terus tinggal di-dalam rumah sakit, tempat perlindongan atau kawasan penempatan tersebut.

**Penghantaran  
balek  
ka-penjara.**

38. Sebaik2 sahaja, pada pendapat Pegawai Perubatan Yang Menjaga mana2 rumah sakit, tempat perlindongan atau kawasan penempatan pesakit2 kusta, tidak-lah lagi perlu bahawa mana2 banduan yang telah di-pindahkan ka-rumah sakit, tempat perlindongan atau kawasan

penempatan tersebut terus tinggal di-dalam-nya, maka ia hendak-lah menghantar kapada Pegawai Yang Menjaga penjara dari mana banduan tersebut telah di-pindahkan satu surat akuan, menyatakan bahawa keperluan sademikian tidak ujud lagi, dan manakala itu Pegawai Yang Menjaga hendak-lah dengan serta-merta menyebabkan banduan tersebut supaya di-bawa balek ka-penjara tersebut jika ia maseh boleh kena di-kurong di-dalam-nya.

**Tenggongan  
terhadap  
pelarian.**

39. Jika mana2 banduan melarikan diri semasa ia-nya berada di-dalam mana2 rumah sakit, tempat perlindongan atau kawasan penempatan pesakit2 kusta sebagaimana di-sebutkan tadi, maka tiada seseorang pegawai penjara boleh di-bebankan tanggong-jawab terhadap-nya, melainkan banduan itu di-dalam penjagaan pegawai itu sendiri.

**Kewajipan  
untok  
menchegah  
pelarian.**

40. Pegawai Perubatan dan pegawai2 lain dari mana2 rumah sakit, tempat perlindongan atau kawasan penempatan pesakit2 kusta hendak-lah, satelah berunding dengan Pegawai Yang Menjaga, mengambil segala langkah yang berpatutan untok menchegah pelarian banduan2 yang mungkin pada bila2 masa di-rawati di-dalam-nya, dan ada-lah menjadi sah bagi pegawai2 tersebut untok mengambil langkah2 sademikian bagi menchegah pelarian mana2 banduan sademikian yang saperlu-nya jika, pada pendapat pegawai2 tersebut, akan memudzaratkan kesehatan banduan2 itu, sekira-nya tiada apa2 di-lakukan di-bawah kebenaran sademikian.

**Jagaan khas  
di-rumah2  
sakit.**

41. Jika dalam mana2 perkara daripada berat-nya kesalahan terhadap mana sa-saorang banduan mungkin di-dalam jagaan atau bagi apa jua sebab lain Pegawai Yang Menjaga memikirkan-nya perlu untok mengambil langkah2 khas bagi keselamatan banduan itu semasa dalam

rawatan di-mana2 rumah sakit, tempat perlindongan atau kawasan penempatan pesakit2 kusta, maka ada-lah sah bagi-nya untuk menyerahkan banduan itu kepada penjagaan pegawai2 penjara atau orang2 lain yang layak lagi sesuai yang tidak kurang dari dua bilangan-nya, saorang daripada-nya sekurang2-nya hendak-lah sentiasa berada bersama dengan banduan itu siang dan malam, dan orang2 itu hendak-lah di-beri kuasa2 penoh untuk melakukan semua perkara yang perlu untuk menchegah banduan itu dari melarikan diri, dan ada-lah bertanggong-jawab terhadap penjagaan-nya yang selamat sahingga masa ia-nya di-serahkan kepada sa-saorang pegawai penjara manakala di-keluarkan dari rumah sakit, tempat perlindongan atau kawasan penempatan pesakit2 kusta itu atau sahingga masa tamat tempoh hukuman-nya, yang mana satu berlaku dahulu.

**Pemindahan dalam kapal.**

42. (1) Bila2 saja perlu bagi maksud Bahagian ini untuk memindahkan mana2 banduan keluar Negeri dengan melalui laut dan udara, maka ia hendak-lah di-pindahkan dalam sa-sabuah kapal atau pesawat terbang yang akan di-tentukan bagi maksud itu dengan perentah Menteri Besar.

(2) Masa yang di-gunakan pada melakukan pemindahan sademikian di-bawah Bahagian ini ada-lah di-anggap sebagai sa-bahagian dari tempoh hukuman penjara banduan yang di-pindahkan itu; dan banduan itu ada-lah di-anggap sepanjang masa pemindahan itu sebagai dalam penjagaan yang sah oleh orang atau orang2 yang di-beri kuasa untuk memindahkan-nya, dan terta'lok kapada kawalan yang sama dan, jika berlaku kelakuan burok, kapada hukuman yang sama sa-olah2 ia-nya telah di-tahan dalam penjara.

**Pengurangan Hukuman.**

43. Sa-saorang banduan yang, kerana berkelakuan baik, di-beri pengurangan sa-bahagian dari hukuman-nya di-bawah atoran2 yang pada

masa itu berkuatkuasa berhubung dengan pengurangan hukuman hendak-lah di-lepaskan apabila tamat baki tempoh hukuman yang di-kurangkan itu.

**Pengechualian  
kuasa2  
Mahkamah  
Jenayah.**

44. Tiada sebarang apa pun yang terkandong dalam Undang2 ini boleh di-anggap akan mengurangkan atau menyentoh kuasa2 mana2 mahkamah jenayah untuk mengarahkan orang2 yang di-kurong di-dalam mana2 penjara supaya di-hadapkan ka-mahkamah.

## BAHAGIAN V

### PEKERJAAN DAN TATA-TERTIB PENJARA

**Kesan  
hukuman  
penjara.**

45. (1) Tiap2 hukuman penjara yang telah di-jatohkan atau yang akan di-jatohkan keatas mana2 banduan2 boleh mengenakan banduan itu semasa tempoh hukuman sedemikian supaya di-penjara dan bekerja sebagai buroh sebagaimana yang mungkin di-arahan oleh Pegawai Yang Menjaga dan seberapa yang boleh pekerjaan buroh itu hendak-lah di-lakukan sechara kumpulan atau kumpulan2 atau di-luar bilek2 penjara.

(2) Pegawai Perubatan boleh memerentahkan mana2 bantuan supaya di-kechualikan dari kerja buroh atau melakukan kerja ringan, dan mana2 banduan yang di-perentahkan untuk melakukan kerja ringan ada-lah di-kehendakki berkerja apa jua kerja buroh yang di-tetapkan oleh Undang2 ini terhadap mana ia-nya di-akui sesuai oleh Pegawai Perubatan.

**Pengasingan  
Banduan.**

46. (1) Orang2 yang di-kurang di-bawah proses mal (civil process) dan orang2 yang di-tahan sementara yang di-tudoh melakukan jenayah atau kesalahan2, atau di-penjarakan sementara menunggu pembicharaan mereka, atau di-kurong kerana tidak dapat jaminan2 tidak boleh biasanya di-champor dengan banduan2 yang telah

thabit kesalahan-nya, atau pun mereka dikehendakki membuat kerja lebeh dari kerja yang sapatut-nya untok menjaga diri dan pakaian mereka dengan sempurna dan menjaga kebersihan tempat2 dalam mana mereka itu di-kurong:

Dengan sharat bahawa sekira-nya orang2 itu memilih untok berkerja dalam tempoh mereka di-kurong, maka mereka hendak-lah di-beri bayaran bagi pekerjaan itu sa-kadar yang mungkin dari masa ka-samasa di-tetapkan.

(2) Semua banduan yang belum dewasa hendak-lah, setakat yang keadaan2 tempatar membenarkan, di-asingkan dari banduan2 dewasa.

**Penjagaan  
banduan2  
di-luar  
penjara.**

47. Sa-saorang banduan manakala di-bawa ka-mana2 atau dari mana2 penjara dalam mana ia-nya mungkin di-kurong dengan sah, atau bila2 saja ia-nya bekerja di-luar atau pun berkerja di-luar kawasan mana2 penjara tersebut dalam atau di-bawah jagaan atau kawalan sa-saorang pegawai penjara yang sah, ada-lah di-anggap sebagai dalam penjara dan ada-lah terta'alok kapada pengenaan yang sama saperti sa-olah2 ia-nya sabenar-nya dalam penjara.

**Hukuman bagi  
kesalahan2  
kecil  
penjara oleh  
pegawai Yang  
Menjaga  
penjara2.**

48. (1) Sa-saorang Pegawai Yang Menjaga, jika berpangkat atau tinggi dari pangkat Ketua Pegawai, boleh menghukum mana2 banduan, yang telah di-dapati salepas penyiasatan yang seharus-nya thabit kesalahan melakukan kesalahan kecil, dengan memerentahkan-nya supaya menjalani satu atau lebeh dari hukuman2 yang berikut:-

(a) Pengurongan dalam bilek penjara dengan chatuan makanan yang tersekat selama sa-suatu tempoh yang tidak melebhi tempoh yang mungkin di-tetapkan;

- (b) perluchutan hak pengurangan hukuman yang tidak melebihi tempoh pengurangan yang mungkin di-tetapkan;
- (e) penurunan Peringkat, atau perluchutan hak2 keistimewaan, atau penanggohan kenaikan Peringkat, atau penyingkiran dari sekim pendapatan, atau pengurangan dalam tingkat pendapatan, selama sa-suatu tempoh yang mungkin di-tetapkan.

(2) Sa-saorang Pegawai Yang Menjaga, di-bawah pangkat Ketua Pegawai, boleh menghukum mana2 banduan yang telah di-dapati salepas penyiasatan yang sa-harus-nya thabit kesalahan-nya melakukan sa-suatu kesalahan kecil penjara, dengan memerentahkan-nya supaya menjalani satu atau lebeh dari hukuman2 yang berikut:-

- (a) pengurongan dalam bilek penjara dengan chatuan makanan yang tersekat selama sa-suatu tempoh yang tidak melebihi tempoh yang mungkin di-tetapkan;
- (b) penurunan Peringkat, atau perluchutan hak2 keistimewaan, atau penanggohan kenaikan Peringkat, atau penyingkiran dari sekim pendapatan, atau pengurangan dalam tingkat pendapatan, selama sa-suatu tempoh yang mungkin di-tetapkan.

**Hukuman bagi  
kesalahan  
besar penjara  
oleh sa-saorang  
Ketua  
Pegawai.**

49. Sa-saorang Pegawai Yang Menjaga, jika berpangkat atau tinggi dari pangkat Ketua Pegawai, boleh menghukum mana2 banduan yang telah di-dapati salepas penyiasatan yang seharus-nya thabit kesalahan-nya melakukan sa-suatu kesalahan besar penjara, dengan meme-

rentahkan-nya supaya menjalani satu atau lebih dari hukuman<sup>2</sup> yang berikut:-

- (a) di-dera dengan rotan yang tidak melebihi jumlah rotan yang mungkin di-tetapkan;
- (b) pengurangan dalam sa-sabuah biled penjara dengan chatuan makanan yang tersekat selama sa-suatu tempoh yang tidak melebihi tempoh yang mungkin di-tetapkan;
- (c) perluchutan hak pengurangan hukuman yang tidak melebihi tempoh pengurangan yang mungkin di-tetapkan;
- (d) penurunan Peringkat, atau perluchutan hak<sup>2</sup> keistimewaan, atau penanggohan kenaikan Peringkat, atau penyingkiran dari sekim pendapatan, atau pengurangan dalam tingkat pendapatan, selama sa-suatu tempoh yang mungkin di-tetapkan:

Dengan sharat bahawa -

- (i) hukuman dera, sama ada di-kenakan di-bawah bab ini atau di-bawah bab 50, hendak-lah di-kenakan menurut atoran<sup>2</sup> yang mungkin di-tetapkan;
- (ii) hukuman dera tidak boleh di-kenakan kechuali kerana derhaka atau kerana kesalahan yang melibati keganasan diri terhadap pegawai<sup>2</sup> penjara, atau banduan<sup>2</sup> lain, atau sebarang orang lain;

- (iii) hukuman dera tidak boleh dalam apa jua perkara pun di-kenakan keatas sa-saorang yang di-bawah hukum bunoh, keatas orang2 lelaki yang lebeh dari umur lima puloh tahun atau keatas perempuan2; dan
- (iv) tiada sebarang perentah bagi pengenaan hukuman dera boleh di-jalankan melainkan perentah itu telah di-sahkan oleh Menteri Besar.

**Hukuman oleh  
Penguasa atau  
oleh Jaksə2  
pelawat.**

50. (1) Jika sa-saorang banduan di-tudoh melakukan sebarang kesalahan penjara yang berat dan Pegawai Yang Menjaga berpendapat, dalam keadaan perkara itu kuasa menjatohkan hukuman yang di-punyai-nya tidak memadai, maka ia boleh sama ada mengemukakan kapada Penguasa satu salinan rekod penyiasatan-nya, dan Penguasa boleh tatkala itu memutuskan perkara itu dalam bidangkuasa-nya sendiri terhadap hukuman sebagaimana yang di-berikan oleh cheraian (3) atau,

(2) Kalau tidak Pegawai Yang Menjaga boleh dengan serta merta melaporkan perkara itu sechara bertulis kepada Jaksə2 Pelawat. Jaksə2 Pelawat hendak-lah manakala menerima laporan sedemikian, menghadzirkan diri di-penjara dengan tidak berlengah2 lagi dan menyiasat tuduhan itu, dan boleh menghukum mana2 banduan, satelah penyiasatan yang seharus-nya, dengan mengangkat sumpah, yang mereka mungkin dapati bersalah dengan satu atau lebeh dari hukuman2 yang berikut:-

- (a) pengurongan dalam sa-sabuah bilek penjara dengan chatuan makanan yang tersekat selama sa-suatu tempoh yang tidak melebeli tempoh yang mungkin di-tetapkan;

- (b) hukuman dera yang tidak melebihi hukuman yang mungkin di-tetapkan;
- (c) perluchutan hak pengurangan hukuman yang tidak melebihi tempoh pengurangan yang mungkin di-tetapkan;
- (d) penurunan Peringkat, atau perluchutan hak2 keistimewaan, atau penanggohan kenaikan Peringkat, atau penyingkiran dari sekim pendapatan, atau pengurangan dalam tingkat pendapatan, selama sa-suatu tempoh yang mungkin di-tetapkan.

(3) Penguasa ada-lah mempunyai kuasa untuk menyiasat dan memutuskan aduan2 mengenai apa jua kesalahan terhadap tata-tertib penjara; dan ia boleh memerentahkan mana2 banduan yang di-dapati bersalah oleh-nya supaya menjalani satu atau lebeh dari hukuman2 yang di-tetapkan dalam cheraian (2).

(4) Bila2 saja ternyata kapada Pegawai Yang Menjaga bahawa ada-lah perlu bagi ketenteraman dan tata-tertib penjara supaya sa-saorang banduan itu di-asingkan dan tidak bekerja atau di-tempatkan bersama2 dengan banduan2 lain, maka ada-lah sah bagi pegawai itu untuk memerentahkan pengasingan banduan itu selama tempoh yang mungkin di-fikirkan perlu.

**Daftar  
hukuman2.**

51. Pegawai Yang Menjaga hendak-lah menchatetkan dalam sabuah daftar yang akan di-sediakan untuk pemereksaan Jaksa2 Pelawat rekod hukuman2 yang di-kenakan oleh-nya keatas banduan2 yang menunjukkan berthabit dengan tiap2 banduan yang telah di-hukum itu, nama banduan itu, jenis kesalahan-nya dan berat hukuman-nya.

**Tahanan  
selepas  
tarikh  
pelepasan.**

52. Apa jua hukuman penjara yang di-kenakan dengan sah keatas sa-saorang banduan di-bawah Undang<sup>2</sup> ini atau mana<sup>2</sup> Atoran<sup>2</sup> yang di-buat di-bawah-nya boleh di-kuatkuasakan dengan tidak menghiraukan bahawa penguasaan itu mungkin memerlukan penahanan banduan itu selepas tarikh yang ia sapatut-nya berhak di-lepaskan dari penjara kalau tidak di-kuatkuasakan hukuman itu:

Dengan sharat bahawa tempoh penahanan sedemikian tidak boleh melebihi empat puluh delapan jam, tempoh yang mana akan di-kira daripada jam yang terakhir dari hari yang banduan itu akan sabalek-nya berhak di-lepaskan:

DAN dengan sharat bahawa tiada sebarang orang boleh di-kurong selama sa-suatu tempoh lebeh dari yang ia sapatut-nya menjalani jika ia tidak mendapat pengurangan hukuman.

**Da'awan bagi  
kesalahan<sup>2</sup>.**

53. Tiada sebarang apa pun dalam Undang<sup>2</sup> ini boleh di-tafsirkan untuk mengechualikan mana<sup>2</sup> banduan dari tindakan perbicharaan terhadap apa jua kesalahan menurut perjalanan biasa undang<sup>2</sup>, akan tetapi tiada seseorang banduan boleh di-hukum dua kali bagi kesalahan yang sama.

**Banduan  
boleh  
membuat  
pembelaan-  
nya.**

54. Tiada seseorang banduan boleh di-hukum sahingga ia telah berpeluang mendengar tuduhan atau aduan terhadap-nya dan bukti keterangan yang menyokong-nya membuat pembelaan-nya dan menghadapkan bukti keterangan pada menyukong-nya.

## BAHAGIAN VI

### TATA-TERTIB YANG MENGENAI PEGAWAI<sup>2</sup> PENJARA

**Kesalahan<sup>2</sup>  
mengenai  
bekalan<sup>2</sup>  
penjara.**

55. (1) Tiada seseorang pegawai penjara, atau pun seseorang pegawai Perubatan, atau pun seseorang Pegawai Pergigian boleh menjual atau menawarkan untuk penjualan atau mem-

bekalkan atau menawarkan untuk membekalkan atau menerima dengan sechara langsung atau tidak langsung apa jua keuntongan atau faedah daripada penjualan atau penawaran penjualan atau pembekalan atau penawaran pembekalan apa jua barang kapada atau bagi kegunaan mana2 penjara, atau pun boleh mana2 pegawai dengan sechara langsung atau tidak langsung mempunyai sebarang kepentingan di-dalam mana2 kontrek atau perjanjian terhadap penjualan atau penawaran penjualan atau pembekalan atau penawaran pembekalan apa jua barang tersebut.

(2) Tiada seseorang pegawai penjara, atau pun seseorang Pegawai Perubatan, atau pun seseorang Pegawai Pergigian, boleh dengan sechara langsung atau tidak langsung mempunyai sebarang kepentingan kewangan di-dalam pembelian apa jua bekalan penjara, atau menerima sebarang potongan harga, hadiah atau balasan lain daripada pemborong2 terhadap atau penjual2 bekalan sademikian, atau mempunyai sebarang urusan dengan banduan2 atau dengan kawan2 mereka berkenaan dengan mereka atau bagi pehak mana2 banduan membuat apa jua perhubungan yang tiada kebenaran dengan mana2 orang.

(3) Sesiapa jua yang melanggar mana2 sharat dari bab ini ada-lah bersalah: Hukuman, penjara selama dua belas bulan dan denda sebanyak sa-ribu ringgit, dan boleh selain dari itu di-buang kerja dan semua tunggakan gaji yang sepatutnya di-bayar kapada-nya boleh diluchutkan.

(4) Dalam bab ini sebutan2 mengenai penjualan atau menawarkan untuk di-jual termasok sebutan2 mengenai penyewaan dan menawarkan untuk penyewaan.

**Meninggalkan  
Tugas.**

56. Mana2 pegawai penjara yang dengan menyalahi undang2 atau dengan melanggar sharat2 perkhidmatan-nya tidak hadzir bekerja di-dalam hal2 keadaan yang menunjukkan bahawa ia mempunyai tujuan tidak akan kembali berkerja ada-lah di-anggap telah meninggalkan tugas, dan ada-lah bersalah: Hukuman, penjara selama dua belas bulan, dan semua tunggakan gaji yang sepatutu-nya di-bayar kepada-nya hendak-lah di-luchutkan.

**Pembayaran  
wang di-tegah.**

57. (1) Tiada sebarang wang atau balasan lain boleh dengan apa jua helah pun boleh kena di-bayar, di-bayar, di-beri atau di-janjikan oleh atau bagi pehak mana2 banduan, sama ada ketika kemasukan-nya ka-dalam, penjaraan-nya, maseh berada di-dalam, atau di-lepaskan dari mana2 penjara, kepada mana2 pegawai penjara; dan mana2 pegawai penjara yang menerima atau menuntut apa jua wang atau balasan lain atau perjanjian bagi mendapatkan wang atau balasan lain atau berjanji membuat apa jua perkhidmatan sebagai balasan akan menerima atau sebagai perjanjian bagi mendapatkan wang atau balasan lain ada-lah bersalah: Hukuman, penjara selama enam bulan dan denda sebanyak lima ratus ringgit.

(2) Mana2 pegawai penjara yang di-dapati thabit kesalahan-nya di-bawah bab ini boleh di-buang kerja, dan semua tunggakan gaji yang sa-patut-nya di-bayar kepada-nya boleh di-luchutkan.

**Penyerahan  
pakaian  
seragam, dll.,  
apabila  
berhenti  
kerja.**

58. (1) Tiap2 orang apabila berhenti menjadi saorang pegawai penjara hendak-lah dengan serta-merta menyerahkan kepada Pegawai Yang Menjaga penjara yang ia berkhidmat ketika berhenti menjadi pegawai penjara, tiap2 satu dari pakaian seragam dan pakaian serta semua senjata, kelengkapan, peluru, belantan yang kepunyaan-nya atau di-bawah kawalan-nya.

(2) Sesiapa jua yang gagal mematohi sharat2 bab ini ada-lah bersalah: Hukuman, penjara selama tiga bulan dan denda sebanyak dua ratus ringgit; dan selain dari itu orang itu boleh di-kenakan bayaran nilai harga bagi apa jua barang yang tidak di-serahkan, nilai harga yang mana hendak-lah di-tentukan terus oleh Mahkamah dan hendak-lah di-perolehi balek sa-olah2 ia-nya sa-suatu denda.

(3) Tiap2 orang yang bukan orang yang bekerja dengan, dalam, atau di-bawah Jabatan Penjara yang mempunyai pada milek-nya apa jua benda yang menjadi sa-bahagian dari pakaian, kelengkapan, atau barang2 lain yang di-bekalkan kapada mana2 pegawai penjara dan siapa yang tidak boleh menerangkan dengan memuaskan terhadap memilek-nya akan benda itu ada-lah bersalah: Hukuman, penjara selama tiga bulan dan denda sebanyak dua ratus ringgit.

**Kesalahan2  
oleh  
pegawai2  
penjara.**

59. Mana2 pegawai penjara di-bawah pangkat Pegawai Utama yang melakukan sa-suatu kesalahan tata-tertib boleh di-kenakan, jika di-dapati thabit-kesalahan-nya oleh Majistret atau oleh mana2 orang yang di-beri kuasa oleh Atoran2 yang di-buat di-bawah Undang2 ini untuk menthabitkan kesalahan mana2 pegawai sademikian, akan tetapi dengan tidak menyentoh mana2 sharat terhadap pengesahan atau rayuan yang mungkin di-tetapkan oleh Atoran2 sa-demikian, hukuman yang mungkin di-tetapkan oleh Atoran2 itu atau pembuangan kerja:

Dengan sharat bahawa bab ini tidak boleh di-anggap untuk membenarkan penetapan hukuman selain dari yang berikut:-

- (a) dalam perkara thabit-kesalahan yang di-dapati oleh sa-saorang Majistret, penjara selama enam

bulan dan denda sebanyak lima ratus ringgit;

(b) dalam perkara thabit-kesalahan yang di-dapati oleh sa-saorang pegawai penjara -

(i) Penurunan pangkat;

(ii) penahanan, penundaan atau perluchutan hak apa jua kenaikan gaji;

(iii) perluchutan hak gaji, sama ada dengan potongan atau dengan chara lain;

(iv) termesti melakukan tugas2 atau kawat2 tambahan;

(v) tegoran keras, tegoran atau amaran;

(vi) tahan di-barek yang tidak melebehi empat belas hari;

(vii) pembayaran ganti-rugi terhadap kerosakan atau kehilangan, atau terhadap kechachatan kapada, apa jua harta Kerajaan, yang mana, dalam perkara thabit-kesalahan yang di-dapati oleh sa-saorang Majistret, boleh di-taksir terus oleh Mahkamah dan di-perolehi balek sa-olah2 ia-nya sa-suatu denda,

(c) Sebagai ganti atau selain dari mana2 dari hukuman2 tersebut tadi pegawai penjara itu boleh di-buang kerja dari Jabatan Penjara.

## BAHAGIAN VII

‘AM.

**Perlantekan  
Jaksa2  
Pelawat.**

60. (1) Menteri Besar hendak-lah bagi tiap2 tahun melantek sa-buah Lembaga yang akan di-gelar “Lembaga Jaksa2 Pelawat”.

(2) Sa-saorang Jaksa Pelawat boleh pada bila2 masa melawat penjara terhadap mana ia-nya telah di-lantek dan boleh memereksa beberapa wad, bilek penjara, pekarangan, bilek pengasingan atau bilek hukuman dan bilek2 atau bahagian2 lain penjara itu, memereksa dan menguji mutu dan banyak-nya makanan banduan, mendengar aduan2, jika ada, dari banduan2, dan menyoal mana2 banduan, dan hendak-lah memastikan, dengan seberapa boleh, sama ada Undang2 ini, Atoran2 yang di-buat di-bawah-nya dan Perentah2 Tetap Penjara ada-lah di-patohi, dan hendak-lah menarek perhatian Pegawai Yang Menjaga kapada apa jua yang tidak terator yang mungkin di-lihat mengenai perjalanan kerja penjara atau mengenai layanan mana2 banduan yang di-kurong di-dalam-nya, dan hendak-lah menjalankan dan menunaikan kuasa2 dan kewajipan2 yang mungkin di-tetapkan.

(3) Lembaga hendak-lah melantek saorang atau lebeh dari ahli2-nya mengikut giliran menjadi Jaksa atau Jaksa2 Pelawat bagi tiap2 bulan dalam sa-suatu, tahun, dan Jaksa atau Jaksa2 Pelawat sademikian hendak-lah mendengar, membicharakan dan menyelesaikan kesalahan2 penjara terhadap mana sa-suatu laporan di-bawah bab 50 telah di-buat.

(4) Tiap2 Jaksa Pelawat ada-lah, bagi maksud Undang2 ini, mempunyai kuasa untuk memanggil saksi2 dan untuk mengambil sumpah2.

- Lawatan2  
oleh Hakim2.**
61. Tiap2 Hakim boleh, bila2 saja di-fikir-kan-nya patut, memasokki dan memereksa keadaan penjara itu, serta banduan2 di-dalam-nya, dan ia boleh menyoal mana2 bañduan, dan ia boleh membuat apa jua perhatian yang di-fikir-kan-nya patut untuk di-buat berhubong dengan keadaan penjara di-dalam sabuah Buku Pelawat yang akan di-sediakan bagi maksud itu oleh Pegawai Yang Menjaga, buku mana hendak-lah di-kemukakan kepada Jaksa2 Pelawat di-ketika lawatan akan datang mereka yang di-tetapkan.
- Atoran2.**
62. (1) Duli Yang Maha Muliá Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat Atoran2, yang tidak berlawanan dengan sharat2 Undang2 ini, yang Baginda anggap perlu bagi urusan dan pentadbiran penjara2 yang baik dan bagi perlaksanaan maksud Undang2 ini.
- (2) Khusus-nya, dan dengan tidak menyentuh keluasan ma'ana yang di-sebutkan di atas ini, Atoran2 sademikian boleh menetapkan bagi semua atau mana2 satu dari maksud2 atau perkara2 yang berikut:-
- (a) lantekan2, sharat2 perkhidmatan, latehan, dan kuasa2, kelakuan, tugas2 serta tata-tertib pegawai2 penjara dan orang2 lain yang bekerja dalam penjara2;
  - (b) penchen2, elau persaraan, baksis2 serta keistimewaan2 bagi semua pegawai penjara dan tanggongan2 pegawai2 itu dan segala perkara yang berkaitan dengan-nya;
  - (c) Kebenaran berchuti;
  - (d) pemereksaan doktor, pengukuran, pengambaran, dan pengambilan chap2 jari atau rekod2 lain bagi

orang2 yang di-kurong di-dalam mana2 penjara atau dengan chara lain yang di-tahan dalam jagaan, termasok ukuran2 badan dan riwayat2 hidup yang lengkap, dan bagi mengkehendakki jawapan2 penoh dan benar terhadap semua soalan yang di-tanyakan kapada orang itu dengan tujuan memperolehi ukoran2 dan riwayat2 itu;

- (e) Orang2, jika ada, kapada siapa ukoran2, gambar2 chap2 jari atau rekod2 lain hendak di-kirimkan atau di-berikan;
- (f) pekerjaan, chatuan2 makanan, perjenisan, penjagaan yang selamat, pengasingan, layanan dan tata-tertib banduan2;
- (g) jenis kerja yang akan di-kehendakki pada satu2 peringkat penjaraan mereka serta chara dan tempat mengkehendakki kerja itu;
- (h) pengurangan hukuman2;
- (i) penjualan hasil2 dari pekerjaan banduan2;
- (j) penubohan persatuan2 dan persekutuan2 bantuan banduan dan bagi mengurangkan kerja mereka dan menggunakan perkhidmatan2 persatuan sa-demikian berkaitan dengan banduan2 yang di-lepaskan dalam perchubaan dan banduan2 yang thabit-kesalahan-nya yang hukuman2-nya telah tamat.

- (k) pemberian wang; makanan; pakaian atau chara perjalanan kepada banduan2 apakala mereka di-lepaskan;
- (l) pentadbiran Kumpulan Wang Hadiah bagi Pegawai2 Penjara;
- (m) tugas2, kuasa2, tindakan2 dan lawatan2 Jaksas2 Pelawat;
- (n) apa jua perkara lain yang mana dibawah Undang2 ini ada-lah dikehendakki atau di-benarkan supaya di-tetapkan.

**Pemansokhan Pengechualian.** 63. (1) Undang2 Penjara (*Penggal 51*) ada-lah dengan ini di-manshokhkan:

Dengan sharat bahawa mana2 pegawai atau orang yang di-lantek untuk bertindak atau di-ambil kerja di-bawah atau dengan kuatkuasa Undang2 tersebut hendak-lah terus dan di-anggap telah di-lantek atau di-ambil kerja di-bawah atau dengan kuatkuasa Undang2 ini.

(2) Mana2 pegawai penjara yang di-lantek di-bawah atau dengan kuatkuasa Undang2 tersebut ada-lah terus di-lantek di-bawah atau dengan kuatkuasa Undang2 ini.

( Bab 34 (1) )

**PERENTAH PEMINDAHAN  
UNDANG2 PENJARA.**

**Kapada Pegawai Perubatan Yang Menjaga Rumah Sakit di-**

\*Di-sini masukkan nama dan lantekan rasmi.

Saya, \*.....yang bertanda-tangan di-bawah ini dengan ini memperakui bahawa saya pada ....haribulan.....19..... telah memereksa sendiri ‡.....dan bahawa .....tersebut ia-lah .....saorang yang \*di-bawah jagaan dan rawatan sesuai untuk di-jaga dan di-tahan

‡Di-sini masukkan nama dan tempat tinggal orang yang dipergas.

\*untuk pemerhatian dan bahawa saya telah berpendapat demikian atas alasan2 yang berikut, ia-itu:

\*Potong perka-taan2 yang perlu.

**KENYATAAN**

1. Hal2 yang menunjukkan otak yang tidak sempurna yang di-lihat-nya sendiri: ‡
2. Hal2 lain, jika ada, yang menunjukkan otak yang tidak sempurna yang di-ma'alumkan kapada saya oleh orang lain

‡Di-sini nyatakan hal2-nya.

-Di-sini nyatakan ma'alumat dan dari siapa di-perolehi.

Dan saya dengan ini memerentahkan supaya ..... tersebut di-terima masok ka-Rumah Sakit untuk \* jagaan dan rawatan  
\* pemerhatian

Bertarikh.....haribulan.....19.....

Pegawai Perubatan,

Penjara .....

- (1) Nama
- (2) Alamat
- (3) Pekerjaan
- (4) Kebangsaan
- (5) Ugama
- (6) Sudah Kahwin, bujang atau balu

- (7) Berapa orang anak; umor anak bungsu
- (8) Serangan penyakit pertama
- (9) Lama sakit
- (10) Ketageh chandu atau alkohol
- (11) Pesakit pitam (gila babi)
- (12) Bunoh diri (jika demikian dengan chara apa)
- (13) Merbahaya
- (14) Nama dan alamat saudara atau kawan yang terdekat
- (15) Riwayat perubatan, jika ada.

Di-perbuat pada 9 haribulan January, 1978.

(JUDIN ASAR)

*Jurutulis*

*Majlis Mashuarat Negeri,  
Brunei.*